

BAB TIGA

PERSAMAAN BENTUK PEMIKIRAN R.O. WINSTEDT DENGAN SARJANA ORIENTALIS TERDAHULU

3.0 PENGENALAN

R.O. Winstedt, merupakan individu yang banyak mengkaji mengenai masyarakat di Tanah Melayu khususnya yang beragama Islam. Kajian beliau ini merangkumi bidang keagamaan, budaya, sejarah dan bahasa. Dalam usaha menyiapkan kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti bagaimana terbentuknya ideologi Winstedt dalam membuat penilaian terhadap Islam khususnya berkaitan undang-undang Islam. Persoalannya adalah apakah persamaan bentuk pemikiran Winstedt dengan sarjana orientalis terdahulu seperti Snouck Hurgronje, Ignaz Goldziher, Joseph Schacht dan lain-lain lagi. Ketiga-tiga tokoh ini mempunyai kredibiliti yang dipandang tinggi oleh orientalis terkemudian. Kajian-kajian yang dilakukan oleh ketiga-tiga tokoh ini menjadi rujukan khususnya kajian yang berkaitan Islam. Bertitik-tolak dari kredibiliti sarjana orientalis terdahulu, pengkaji akan mengenal pasti persamaan bentuk pemikiran Winstedt dengan ketiga-tiga tokoh orientalis di atas, seterusnya mengetahui elemen khusus dalam pemikiran yang didokong oleh Winstedt.

3.1 BIODATA RINGKAS R.O. WINSTEDT

Sir Richard Olof Winstedt dilahirkan pada 2 Ogos 1878 di Oxford, England. Beliau juga dikenali dengan panggilan R.O. Winstedt. Beliau merupakan seorang orientalis Inggeris

yang berkhidmat di Tanah Melayu sebagai pentadbir British bermula dari 1902 hingga 1935. Sepanjang tempoh 33 tahun perkhidmatan Winstedt di Tanah Melayu, beliau memiliki pengalaman dan kemahiran dalam menguasai dan memahami budaya penduduk di Tanah Melayu ketika itu khususnya masyarakat yang beragama Islam.¹

Winstedt mendapat pendidikan di Magdalen College School and New College, Oxford. Di institusi yang sama juga, beliau memperolehi M.A. di institusi yang sama.² Pada tahun 1902, Winstedt memilih untuk menjadi pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu, dan ditempatkan di negeri Perak³ di mana beliau mempelajari bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Semasa menjadi pegawai pelatih di negeri Perak, pada akhir Disember 1902 beliau telah berkenalan dengan R.J. Wilkinson iaitu individu yang memperkenalkan Winstedt kepada pengkajian sosiologi.⁴ Melalui pengaruh Wilkinson, beliau telah dipindahkan ke Kuala Pilah pada tahun 1913 dan dilantik sebagai Pegawai Daerah. Seterusnya pada tahun 1916 beliau menyertai jabatan pendidikan. Hasil kesungguhan Winstedt di dalam bidang pendidikan, beliau telah dianugerahkan pangkat DLitt daripada Oxford.⁵

¹ Abd Jalil Borham, Prof. Dr. merangkap Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Temubual pada 29 oktober 2011.

² Bastin, John Sturgus (ed.) (1964), *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty Fifth Birthday*, Oxford: Clarendon Press, hh. 1-23.

³ *Ibid.*

⁴ Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Winstedt, sila lihat Muhammad Salleh (1989), "Richard Winstedt: Sarjana Atau Pengkaji Kolonial?", (Kertas kerja Persidangan Seminar Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarabangsa, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Isnin, 3 April 1989), hh. 1-32.

⁵ *Ibid.*

Antara penghormatan yang diperolehi oleh Winstedt sepanjang berkhidmat di bahagian pendidikan adalah beliau telah dilantik menjadi Presiden pertama kolej Raffles (1921 – 1931) di Singapura. Semasa menjawat jawatan tersebut, beliau turut bertindak sebagai setiausaha kepada Pesuruhjaya Tinggi. Pada tahun 1923, beliau telah dilantik memegang jawatan Pengarah Pendidikan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan juga ahli kepada Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat.⁶ Sebagai penghormatan tertinggi, Winstedt dilantik menjadi salah seorang anggota tertinggi kepada Majlis Kebangsaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1927 sehinggalah 1931. William R. Roff turut mengakui peranan yang dimainkan oleh Winstedt ketika itu, dengan mengatakan *“In his way he did more to circumscribe Malay educational progress, and to ensure that the Malay peasant did not get ideas above his station, than anyone else before or since. It was his accomplishment of this within a greatly improved organizational framework that appears to have given rise to a persisting illusion that real educational reform dates from 1917”*.⁷

Pada tahun 1931 hingga 1935, Winstedt telah dilantik oleh Sultan Johor sebagai Penasihat Umum kepada negeri Johor. Pada tahun 1935, beliau telah mengambil keputusan untuk bersara dari perkhidmatan kerajaan. Dalam tahun yang sama, beliau dilantik menjadi tenaga pengajar dalam bidang pengajian Melayu di *School of Oriental and African Studies* (SOAS),⁸ di mana beliau turut berkhidmat sebagai ahli Badan Penyelia di institusi tersebut (1939 – 1959). Semasa Perang Dunia Kedua, Winstedt membuat liputan secara langsung

⁶ Barrett, E.C.G. (1967), *Obituary: Sir Richard Winstedt*, dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, v. 30, London: University of London., hh. 272-275.

⁷ Roff, W.R. (1980), *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h.139.

⁸ Barrett, E.C.G. (1967), *Op.cit*, hh. 272-275.

dalam versi bahasa Melayu ke Tanah Melayu yang diperintah Jepun ketika itu. Beliau bersara dari bidang pendidikan sepenuhnya pada tahun 1946.⁹

Sebelum persaraannya, Winstedt memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan di Tanah Melayu dan Singapura ketika itu. Antara sumbangan beliau yang terpenting sekali ialah penubuhan *Sultan Idris Training College* pada tahun 1922, yang bertujuan untuk melahirkan lebih ramai guru-guru Melayu yang berpendidikan tinggi.¹⁰ Pada tahun 1997, kerajaan Malaysia telah menaiktarafkan *Sultan Idris Training College* kepada status universiti dan digantikan dengan nama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pada tahun 1951, untuk menghargai sumbangan Winstedt di dalam bidang pendidikan, Universiti Malaya telah menganugerahi kepada beliau pingat LLD (doktor falsafah di bidang undang-undang). Selain dari penghormatan tersebut, Winstedt turut dianugerahi dengan pelbagai pingat bagi menghargai sumbangan beliau sewaktu berkhidmat di Tanah Melayu, antaranya; Knight Commander of the Order of the British Empire, Order of the British Empire dan Order of the St. Michael and St. George.¹¹

Segala karya yang dihasilkan oleh Winstedt disimpan dan direkodkan di School of Oriental and African Studies (SOAS) di London, bagi memelihara khazanah berharga yang dihasilkan oleh beliau sepanjang tempoh perkhidmatan di Tanah Melayu mengenai

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Adnan Nawang (2009), *Za'ba dan Melayu*, c.2, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, hh. 18-19.

¹¹ Lihat Barrett, E.C.G. (1967), *Op.cit.*, hh. 272-275.

masyarakat Melayu meliputi sejarah, agama, budaya dan bahasa. Antara senarai penerbitan yang dihasilkan oleh Winstedt ialah:¹²

- 1) *The Malays: A Cultural History*, Singapura: Kelly & Walsh, 1947
- 2) *A History of Malaya*, Singapura, 1935
- 3) *A History of Perak*, Singapura, 1935
- 4) *A History of Johore*, Singapura, 1932
- 5) *A Malay History of Riau and Johore (Malay text of the Tuhfat al-Nafis)*, Singapura, 1932
- 6) *Britain and Malaya 1786 – 1941*, London, 1944
- 7) *Malayan Memories*, Singapura: Kelly & Walsh, 1916
- 8) *Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States*, London: Constable, 1923
- 9) *An English – Malay Dictionary*, Singapura: Kelly & Walsh, 1914 – 1917
- 10) *Dictionary of Colloquial Malay: Malay – English & English – Malay*, Singapura: Kelly & Walsh, 1920
- 11) *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, London: Constable, 1925
- 12) *Cherita Jenaka: Ya-itu Pa Kadok, Pa Pandir, Lebai Malang, Pa Belalang, Si Lunchai*, Singapura: Methodist Publishing House, 1908
- 13) *Misa Melayu*, Singapura: Methodist Publishing House, 1919
- 14) *The Circumstances of Malay Life: The Kampong, The House, Furniture, Dress, Food*, 1909

¹² Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai buku terbitan Winstedt, sila lihat Muhammad Salleh (1989), *Op.cit*, h. 29-32 & Bastin, John Sturgis (ed.) (1964), *Op.cit*, hh. 1-23.

15) *A Malay Reader*, Oxford: Clarendon Press, 1917

16) *A Simple Malay Reader*, London: Kegan Paul & Co., 1944

3.2 ELEMEN PERSAMAAN BENTUK PEMIKIRAN R.O. WINSTEDT DENGAN SARJANA ORIENTALIS TERDAHULU

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan bagaimana penggunaan metodologi dan teori oleh sarjana orientalis terdahulu turut digunakan secara langsung oleh Winstedt. Apa yang dimaksudkan hubung kait oleh pengkaji adalah:

Pertama, pemakaian kaedah historisisme. Ini boleh dirujuk secara khusus kepada pendekatan kajian yang dilakukan oleh Snouck Hurgronje dan Ignaz Goldziher. Menurut pandangan A.J. Wensinck, Snouck Hurgronje merupakan tokoh pertama yang menerapkan metode kritik sejarah. Beliau menggunakan metode ini dalam kajiannya mengenai zakat pada tahun 1882. Teorinya telah dipengaruhi oleh metode kritik Bible yang pada awalnya digunakan oleh sarjana Yahudi dan Kristian dalam mempersoalkan keautoritian Bible sebagai kitab suci merangkumi Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama.¹³

Hujah Snouck Hurgronje berkenaan kaedah ini adalah selepas Nabi Muhammad SAW wafat, berlaku evolusi dalam institusi-institusi Muslim, di mana wujud ketidakseragaman pandangan para pemimpin Islam pada abad pertama Hijrah. Akibatnya, muncul aktiviti pemalsuan hadis yang berleluasa pada ketika itu yang memerlukan kepada

¹³ Wensinck, A.J. (1996), "The Importance of Tradition for the Study of Islam", dalam *Ian Edge, Islamic Law and Legal Theory*, New York: New York University Press, h. 135.

penetapan sesuatu hukum yang baru. Semuanya disebabkan masing-masing mempunyai agenda dan kepentingan antara satu sama lain.¹⁴ Teori Snouck Hurgronje inilah telah menjadi dasar kepada pandangan umum dalam kalangan orientalis bahawa pemalsuan hadis merupakan kaedah kesusasteraan yang paling banyak digunakan setelah wafatnya Nabi Muhammad SAW.

Sebagaimana di rantau Alam Melayu, Hurgronje merupakan individu yang bertanggungjawab dalam melemahkan pengaruh undang-undang Islam di Indonesia.¹⁵ Beliau menggunakan metode kritik sejarah dengan menonjolkan kepentingan hukum adat yang mengatasi hukum agama.¹⁶ Beliau beranggapan rakyat peribumi Indonesia tertakluk kepada hukum asli iaitu hukum adat, manakala undang-undang Islam dianggap sebagai hukum asing yang kurang keutamaannya. Malah, undang-undang Islam hanya dianggap mempunyai nilai-nilai keagamaan tanpa membawa implikasi perundangan dan hanya diperlakukan sekiranya diterima oleh adat. Dengan kata lain, undang-undang Islam mempunyai kekuatan hukum apabila diterima oleh hukum adat, selepas diterima ia diperlakukan sebagai hukum adat bukannya sebagai hukum agama.¹⁷

Situasi yang sama juga dapat dilihat di Tanah Melayu ketika di bawah pentadbiran British, di mana bidangkuasa agama dihadkan kepada hal-hal perkahwinan sahaja dan

¹⁴ *Ibid*, h. 136.

¹⁵ Auni Abdullah (2005), *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd, hh. 107-109.

¹⁶ Nik Azran Muhamed & Mohd Mahadi Isa (2009), *Gerakan Orientalisme & Kristianisasi Ancaman Kepada Ummah*, Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.

¹⁷ Auni Hj. Abdullah (2005), *Op.cit*, hh. 107-109.

diasingkan dengan urusan pemerintahan negara.¹⁸ Menurut Abd Jalil Borham, pihak sarjana pentadbir British termasuk Winstedt beranggapan undang-undang Islam yang sedia ada masih belum lengkap, bahkan tidak dapat memenuhi kehendak masyarakat semasa, sehingga mereka mengambil jalan penyelesaian dengan memisahkan undang-undang Islam dengan undang-undang adat yang dipandang lebih memenuhi keperluan hakiki manusia oleh pihak Barat.¹⁹

Kedua, pemakaian pendekatan skeptisisme (meragukan). Ignaz Goldziher mengemukakan teori yang intipatinya tidak jauh beza dengan Snouck Hurgronje. Beliau tidak hanya menyelidiki perkembangan hadis, tetapi menyelidiki tentang sumber hadis itu sendiri. Beliau telah mengemukakan teori tentang adanya elemen asing pada zaman kelahiran Islam, seperti sentimen ajaran Kristian yang diselitkan ke dalam ucapan-ucapan Nabi Muhammad SAW.²⁰

Teori ini menjadi ciri khas dalam pengkajian beliau seperti karya yang berjudul

¹⁸ British telah menggubal beberapa undang-undang Islam yang bersifat terbatas kepada masalah perkahwinan, perceraian, kegiatan agama dan masalah warisan. Antaranya *Muhammadan Marriages and Divorces Order* yang diluluskan di Perak pada 1885, *The Muhammadan Mariages and Divorces (separation) Enacnment* di Kedah pada 1913 dan *Muhammadan Divorce Enacment* di Kelantan pada 1915. Sila lihat Sharifah Zaleha Syed Hassan & Sven Cederron (1997), *Managing Marital Disputes in Malaysia: Islamic Mediators and conflict Resolution in the Syariat Courts*, Surrey: Curzon Press Ltd & Nordic Institute of Asian Studies, hh. 33-35

¹⁹ Abd Jalil Borham, Prof. Dr. merangkap Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Temubual pada 29 Oktober 2011.

²⁰ Wensinck, A.J. (1996), *Op.cit*, h. 136. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Lihat Rahimin Affandi Abd Rahim (2011), "Pengaruh Orientalisme Dalam Gerakan Anti Hadis di Malaysia: Analisis Kritikal", (Kertas kerja Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD), Anjuran Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 12 & 13 Julai 2011 di Bilik Seminar 5, Akademi Pengajian Islam), hh. 3-4.

Introduction to Islamic Theology and Law. Dalam karya tersebut, Ignaz Goldziher menegaskan bahawa terdapat dua pengaruh yang menentukan perjalanan sejarah sebuah institusi,²¹ iaitu:

- 1) Pengaruh dalaman dari sumber institusi itu sendiri dan kekuatan yang menggerakannya sepanjang perjalanan sejarah.
- 2) Pengaruh luaran seperti intelektual yang memperkaya dan menyuburkan idea-idea yang original bagi sesuatu institusi. Seterusnya berkembang sejajar dengan perubahan persekitaran dan zaman.

Menurut beliau lagi, dua pengaruh ini mempengaruhi proses perkembangan Islam termasuklah doktrin perundangan Islam. Namun tahap yang paling penting menurutnya adalah perkembangan tersebut dipengaruhi dengan proses asimilasi terhadap pengaruh-pengaruh asing di luar Islam. Apa yang dimaksudkan oleh Ignaz Goldziher berkenaan proses tersebut adalah:²²

- a) Sistem kepercayaan Islam berkembang di bawah tradisi pemikiran tamadun Yunani;
- b) Sistem hukum Islam dipengaruhi oleh perundangan tamadun Romawi;
- c) Sistem pemerintahan Islam di bawah kepemimpinan khalifah Abbasiyah merupakan penyesuaian dari idea politik tamadun Parsi;
- d) Aktiviti keagamaan (mistisisme) Islam dibangunkan atas dasar ideologi yang baru seperti ajaran-ajaran Hinduisme. Menurut pandangan beliau, Islam telah menunjukkan kemampuan dalam menyerap dan menyesuaikan diri dengan unsur-

²¹ Goldziher, Ignaz (1981), Andras & Ruth Hamori (terj.), *Introduction to Islamic Theology and Law*, Princeton: Princeton University Press, hh. 4-5.

²² *Ibid.*

unsur asing itu. Elemen asing yang terdapat dalam ajaran Islam hanya dapat diketahui melalui analisis yang ketat dalam sebuah penelitian kritis.

Teori-teori yang dikemukakan oleh Snouck Hurgronje dan Ignaz Goldziher ini memberi pengaruh yang besar kepada Joseph Schacht, seorang tokoh orientalis yang terkenal dengan pandangan yang menolak keautoritian hadis sebagai sebahagian dari sumber perundangan Islam. Teori-teori yang dikemukakan oleh beliau meliputi pendekatan kritik sejarah disusuri dengan sudut pandangan yang skeptis, yang cenderung meragukan keautoritian sumber-sumber perundangan Islam. Tokoh ini mengakui bahawa teori-teori yang dikemukakan olehnya memperkukuhkan lagi teori-teori yang dikemukakan oleh Snouck Hurgronje dan Ignaz Goldziher.²³ Namun, beliau diakui telah melangkah lebih jauh dari kedua-dua tokoh orientalis di atas.²⁴

Ketiga, pemakaian pendekatan kritik filologi. Pendekatan ini dipraktikkan dalam kajian terhadap teks agama. Ianya diasaskan oleh William Jones yang merupakan seorang orientalis British yang pernah menetap di India pada tahun 1794. Menurut pandangan beliau, terdapat banyak persamaan dalam kosakata dan struktur antara bahasa Sanskrit dan Parsi. Pendekatan ini kemudiannya dikembangkan oleh Franz Bopp, di mana kajiannya meneliti hubungan di antara bahasa Indo-Eropah dengan bahasa Aria hingga melahirkan sebuah prinsip yang melandasi ilmu perbandingan filologi.²⁵

²³ Schacht, Joseph (1950), *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Oxford: Clarendon Press, h. 17.

²⁴ Forte, David F. (1999), *Studies in Islamic Law: Classical and Contemporary Application*, Oxford: Austin & Winfield Publisher, h. 38.

²⁵ Ihsan Ali Fauzi (2002), "Pandangan Barat", dalam Taufik Abdullah (ed.), *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam*, bil. 7, h. 249.

Pendekatan ini berdasarkan analisis teks merangkumi karya sastra dan naskah-naskah lama seperti teks dari kitab suci (*scripture*). Analisis ini membabitkan pembacaan, perbandingan, penyelidikan mengenai asal-usul teks dan kritik antara berbagai teks atau versi dari teks yang sama. Pendekatan ini berkembang pesat pada zaman Renaissance (kebangkitan Eropah) dan menjadi rujukan khusus dalam mengkaji Islam.²⁶ Bukti penggunaannya adalah melalui metode kritik Bible, iaitu kajian naskah Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru melalui analisis linguistik yang ketat untuk memastikan pengkaji, bila diterbitkan, persamaan di antara kedua-duanya dan realiti pensejarahan yang menjadi dasar kepada pengkajian tersebut.

Mengenai kajian naskah Perjanjian Lama, kesimpulan melalui metode kritik Bible ini boleh dilihat dalam karya Julius Wellhausen (1844-1918) yang bertajuk *History of Israel* (1878). Menurut beliau, bermulanya perkembangan sejarah agama dari zaman dahulu, muncul aliran agama Yahudi iaitu sebuah monoteisme (kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu) yang disampaikan oleh para nabi, tetapi persoalan mengenai aturan-aturan hukum, amalan dan tatacara keagamaan bermula kemudian. Susulan dari itu, hasil kajian terhadap Perjanjian Baru menunjukkan bahawa selepas Jesus muncul barulah lahirnya agama Kristian.²⁷ Pendekatan kritik ini kemudiannya dilanjutkan kepada kajian-kajian ke atas Islam menerusi tradisi kesarjanaan Barat. Menerusi kajian tersebut, terdapat dua dapatan kajian yang berbeza menerusi sarjana dari aliran Yahudi. Kumpulan pertama mendakwa menemui “sumber-sumber” al-Quran. Manakala kumpulan kedua

²⁶ Rippin, Andrew (1985), “Literary Analysis of Qur’an, Tafsir and Sira: The Methodologies of John Wansbrough”, dalam *Martin, Richard C., Approaches to Islam in Religious Studies*, Tucson: The University of Arizona Press, h. 159.

²⁷ Ihsan Ali Fauzi (2002), *Op.cit.*, h. 249.

pula, berusaha keras untuk membuktikan bahawa al-Quran berasal dari tradisi agama Yahudi serta Nabi Muhammad SAW merupakan anak murid kepada tokoh Yahudi tertentu.

Sementara di pihak yang lain pula, para sarjana dari aliran Kristian juga melakukan perkara yang sama iaitu cuba membuktikan bahawa al-Quran itu berasal dari tradisi agama Kristian, Nabi Muhammad SAW merupakan penganut agama Kristian dan Islam hanyalah suatu bentuk penyimpangan yang sesat dalam agama tersebut.²⁸ Terdapat pelbagai karya kontroversi terhasil susulan dari pendekatan tersebut,²⁹ seperti karya yang dihasilkan oleh Theodor Noldeke mengenai kritik al-Quran.³⁰ Uumumnya, mereka menggunakan pendekatan skeptisisme dalam melengkapkan kajian mereka terhadap Islam. Berasaskan pendekatan ini, mereka sering kali mengabaikan maklumat-maklumat yang terbukti kebenarannya dan memanipulasi bukti-bukti yang ada bagi membuktikan kesahihan teori-teori mereka.³¹ Menerusi pendekatan di atas juga, Joseph Schacht menulis pelbagai karya terutama kajian mengenai sejarah perkembangan sumber-sumber dan teori perundangan Islam, seperti *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* dan *An Introduction to Islamic Law*.

²⁸ Lihat Hans Kung (1998), “Sebuah Model Dialog Kristian-Islam”, dalam *Jurnal Pemikiran Islam Paramadina*, bil. 1, h, 20.

²⁹ Watt, W. M (1991), Eno Syafrudien (terj.), *Islam dan Kristian Dewasa Ini*, Jakarta: Gaya Media Pratama, hh. 4-7.

³⁰ Theodor Noldeke (1836-1930) merupakan seorang tokoh orientalis dari Jerman, telah menerbitkan sebuah karya yang kontroversi iaitu *The History of the Qur`an*. Karya ini mengandungi huraian berkaitan sejarah al-Quran, di mana beliau mengatakan al-Quran merupakan hasil tiruan dari kitab-kitab sebelumnya. Lihat Theodor Noldeke (2013), *The History of the Qur`an*, t.t.p: Brill Academic Pub.

³¹ Mohammed Arkoun (1995), “Islamic Studies: Methodologies”, dalam Esposito, John L. (ed), *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, Oxford: Oxford University Press, h. 334.

Keempat, sarjana orientalis Barat begitu taasub dengan pandangan sarjana mereka sendiri. Contoh terbaik untuk memperlihatkan kenyataan ini boleh dilihat pada pandangan yang dikemukakan oleh Joseph Schacht, salah seorang tokoh yang mempengaruhi pemikiran Winstedt. Dalam bukunya yang bertajuk *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*, beliau mengatakan:

*“I feel myself under a deep obligation to the masters of Islamic studies in the last generation. The name of Snouck Hurgronje appears seldom in this book; yet if we now understand the character of Muhammadan law it is due to him. Goldziher I shall have occasion to quote often; I cannot hope for more than that this book may be considered a not unworthy continuation of the studies he inaugurated. Margoliouth was the first and foremost among my predecessors to make more than perfunctory use of the then recently printed works of Shafi’i; in reviewing the field which is surveyed here in detail he came nearest, both in his general attitude to the sources and in several important details, to my conclusions. Lammens, though his writing rarely touch Muhammadan Law and Jurisprudence directly, must be mentioned in the preface to a book which is to a great part concerned with the historical appreciation of Islamic “traditions”; my investigation of legal traditions has brought me to respect and admire his critical insight whenever his “ira et kajianum” were not engaged. In the present generation, Bergstrasser with penetrating insight formulated the main problems posed by the formative period of Muhammadan law and offered a tentative solution”.*³²

Pandangan Joseph Schacht ini menjadi bukti di mana kajian-kajian beliau terhadap hukum Islam berasaskan daripada teori-teori yang dikemukakan oleh tokoh orientalis terdahulu, seperti Snouck Hurgronje dan Ignaz Goldziher. Bagi beliau, kedua-dua tokoh tersebut merupakan pencetus dasar kajian Islam di Barat yang menerapkan pendekatan kritik sejarah terhadap sumber-sumber Islam. Stephen Humpreys di dalam karyanya iaitu *Islamic History: A Frame Work for Inquiry*, menyatakan bahawa karya-karya Joseph Schacht dipengaruhi oleh pendekatan pemikiran orientalis yang hidup pada akhir abad

³² Schacht, Joseph (1950), *Op.cit*, h. 17.

ke-19.³³

Hasilnya, Joseph Schacht diangkat sebagai seorang tokoh yang pakar dalam bidang kritik hadis dengan mempersoalkan autoriti hadis sebagai salah satu dari sumber hukum Islam menerusi karyanya iaitu *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*. Menurut beliau, hadis merupakan hasil pemalsuan oleh individu tertentu selepas wafatnya Nabi Muhammad SAW dan hampir tidak terdapat hadis yang boleh diklasifikasikan sebagai sahih.

3.3 ELEMEN KHUSUS DALAM PEMIKIRAN YANG DIDOKONG OLEH WINSTEDT

Sepanjang pembabitan orientalis di Alam Melayu, pihak penjajah telah membawa satu pendekatan untuk mencampuri urusan pentadbiran, iaitu usaha memperkecil dan menyisihkan peranan agama dalam semua aspek kehidupan.³⁴ Bagi pihak orientalis, sekiranya masyarakat peribumi masih menjadikan agama sebagai satu panduan kepercayaan khususnya yang beragama Islam, masyarakat sebegini akan terus berada di tahap yang rendah, menolak pemodenan, malah tidak bertamadun kerana mempercayai ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Menurut mereka, Rasulullah SAW hanyalah penganut agama Kristian yang sesat.

³³ Humphreys, R. Stephen (1991), *Islamic History: A Frame Work For Inquiry*, London: I.B. Tauris & CO LTD, h. 213.

³⁴ Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), “Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Suatu Analisis”, dalam *Jurnal Syariah*, j. 9, bil. 1, hh. 1-15.

Hasil dari perbandingan dan penelitian pengkaji berkenaan persamaan bentuk pemikiran Winstedt dengan tokoh orientalis terdahulu seperti Snouck Hurgronje, Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht, terdapat persamaan di antara mereka, memandangkan ketiga-tiga tokoh tersebut merupakan pemangkin kepada ideologi Winstedt dalam menilai sesuatu masyarakat berdasarkan pegangan mereka terhadap sistem keagamaan. Hasilnya, pengkaji mengenal pasti empat pendekatan khusus dalam pemikiran yang didokong oleh Winstedt, iaitu:

Pertama, penggunaan pendekatan fungsionalisme sebagai salah satu alat penjajahan di Tanah Melayu.³⁵ Penjajah British sedar bahawa agama Islam adalah suatu aspek yang paling penting dalam masyarakat Melayu dan sebarang penghinaan terhadap agama tersebut akan menyebabkan penentangan masyarakat Melayu terhadap mereka. Walaupun bersifat anti Islam, penjajah British tidak pernah melakukan sebarang tindakan provokatif terhadap agama Islam. Sebaliknya secara licik penjajah British merendahkan taraf agama Islam dengan mengadakan Perjanjian Pangkor 1874, kesannya Islam diasingkan daripada politik. Raja Melayu dilantik sebagai ketua agama tetapi bidang perundangan Islam dihadkan kepada hal ehwal perkahwinan dan perkara-perkara *furu'* sahaja.³⁶

Melalui pendekatan di atas, Winstedt di dalam karyanya yang bertajuk *A History of Malaya* menegaskan “On 20 January 1874 the Governor managed to persuade the Bendahara, the Temenggong and the Mantri of Larut together with the lower Perak chiefs

³⁵ Anwar Din (ed.) (2007), *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 37-48.

³⁶ Auni Hj. Abdullah (2005), *Op.cit.*, hh. 1-35.

whose kinsman Abdullah was, to sign a treaty known from the place where it was concluded as the Pangkor treaty. Abdullah become Sultan and agreed to accept a British Resident. He was the rightful heir and was intelligent and Europeanized and to disallow his claim because he had failed to attend a funeral seemed to Victorian rationalists frivolous".³⁷ Dari segi zahirnya, memang nampak baik kesan campur tangan penjajah British dalam urusan pentadbiran agama iaitu dari segi menjadikan susunan pentadbirannya lebih teratur dan mendapat gaji yang tetap.³⁸ Tetapi sebaliknya, ia memberikan ruang kepada penjajah untuk mengekalkan kuasa campur tangannya ke atas Tanah Melayu.

Menurut Auni Abdullah, Perjanjian Persekutuan yang ditandatangani pada tahun 1895 telah melanjutkan penguasaan British dalam urusan pemerintahan dan urusan agama.³⁹ Paling ketara di sini adalah kemerosotan kuasa raja apabila kebebasan hak raja daripada menerima nasihat British hanya terbatas kepada soal agama sahaja seperti mana yang disebut dalam perjanjian ini.⁴⁰ Kebebasan hak raja daripada dinasihati dalam adat istiadat telah digugurkan.⁴¹ Sehubungan itu, menurut Abd Jalil Borham, dengan berkuatkuasanya perjanjian ini British telah memperluaskan penguasaannya dan melunturkan dasar-dasar pemerintahan Islam yang terdapat sebelum ini di negeri-negeri Melayu. Percantuman dan keserasian antara agama dengan adat dalam kehidupan umat

³⁷ Winstedt, R.O. (1988), *A History of Malaya*, Kuala Lumpur: Marican & Sons, hh. 223-224.

³⁸ Mohd Jamil Mukmin (2009), *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam, hh. 55-75.

³⁹ Auni Hj. Abdullah (2005), *Op.cit*, hh. 104-105.

⁴⁰ Lihat Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned (2005), *Sistem Undang-Undang di Malaysia*, Edisi Kedua, c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 252-260.

⁴¹ Auni Hj. Abdullah (2005), *Op.cit*, hh. 104-105.

Islam di kawasan ini telah cuba dimusnahkan dan keunggulan institusi kesultanan sebagai pelindung adat telah cuba dipertikaikan.⁴²

Berdasarkan pandangan pengkaji, memang diakui sesungguhnya Perjanjian Pangkor 1874 dan Perjanjian Persekutuan 1895 membawa matlamat akhir yang sama walaupun bentuk luarannya ada perbezaan. Matlamat akhir ini ialah untuk memantapkan cita-cita imperialisme Barat iaitu mempengaruhi masyarakat di Tanah Melayu dengan pemikiran sekularisme dan seterusnya menghakis kekuatan tradisi pemerintahan Islam yang berpusat pada institusi kesultanan.⁴³ Malah, Abd Jalil Borham memberikan pandangan bahawa kedua-dua perjanjian itu sekadar mengaburi penilaian masyarakat dengan menggambarkan seolah-olah mereka menghormati agama Islam tetapi yang tersirat di sebaliknya ia lebih merupakan satu wahana bagi mereka menjalankan pemerintahan Islam di bawah telunjuk penjajah Barat khususnya British.⁴⁴

Kedua, pemilihan pendekatan humanisme sebagai satu pendekatan yang mengkaji dan menilai manusia merangkumi tingkah laku dan pegangan⁴⁵. Ianya sekadar memenuhi kepuasan diri dan nafsu manusia semata-mata. Pendekatan ini menerapkan satu kaedah bagaimana pegangan agama dinilai melalui sudut pandangan yang bebas bagi memenuhi kriteria penyelidikan yang bersifat kritis. Salah satu pembahagian dari pendekatan tersebut adalah pendekatan logikal empirikal positivisme. Ianya merupakan falsafah yang menjadi

⁴² Abd Jalil Borham, *Op.cit.*

⁴³ Lihat Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), *Op.cit.*, hh. 6-7.

⁴⁴ Abd Jalil Borham, *Op.cit.*

⁴⁵ Mohd Kamal Hassan (1996), *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*, Kuala Lumpur : ABIM.

pegangan kepada Winstedt dalam menilai sesuatu masyarakat. Pendekatan ini merupakan suatu kajian keilmuan yang dianggap sebagai satu cara untuk mendapatkan ilmu dengan tepat dan betul menerusi kaedah penelitian yang cukup sistematik dan teliti.⁴⁶ Pendekatan ini menolak sebarang pengkajian yang berpandukan kepada sumber wahyu kerana dianggap sebagai tidak relevan dalam pembuktian sejarah.⁴⁷ Ianya juga tidak dapat dibuktikan dengan pancaindera. Pendekatan ini pada dasarnya berpunca dari sikap mereka yang menolak kepercayaan beragama.⁴⁸

Selain dari pendekatan di atas, pendekatan historisisme turut diguna pakai dalam proses mengenal masyarakat dari segi sejarah khususnya yang berkaitan dengan agama Islam di Tanah Melayu. Tetapi pendekatan ini juga menggunakan sudut pandangan yang bebas dalam memahami sesuatu fakta sejarah⁴⁹ dan kebergantungan sepenuhnya dengan akal dalam mencari sesuatu jawapan.⁵⁰ Huraian mengenainya sudah dibincangkan pada bab kedua.

Bagi membuktikan penggunaan pendekatan di atas, pengkaji memetik pandangan Winstedt di dalam karyanya yang bertajuk *The Malay: A Culture History* yang jelas memperkecilkan undang-undang Islam iaitu “..there are Malay translations of orthodox

⁴⁶ Mohd Natsir Mahmud (1997), *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*, Semarang: Dina Utama, hh. 10-12.

⁴⁷ Abdul Rahman Abdullah (2000), *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 71-72.

⁴⁸ Louay Safi (1998), Nur Hadi Ihsan (terj.), *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*, Kuala Lumpur: t.p, hh. 190-199.

⁴⁹ Friedrich Meinecke (1956), “Historicism and Its Problems”, dalam *The Varieties of History*, New York: Oxford University Press, h. 278.

⁵⁰ Mandelbaum, Maurice (1986), “Historisme”, dalam *The Encyclopedia of Philosophy*, v. iv, h. 24.

Muslim works of the school of Shafi'i, especially treatises on the law of marriage, divorce and the legitimacy of children, the only branch of Muslim canon law that Malays have adopted practically unchanged".⁵¹ Petikan kata-kata Winstedt ini jelas menunjukkan beliau menolak keautoritian undang-undang Islam. Beliau hanya meletakkan keautoritian tersebut hanya kepada undang-undang kekeluargaan sahaja bukan merangkumi keseluruhan hidup manusia.

Pandangan dari Winstedt ini turut diperakui oleh Wilkinson, di mana beliau menjelaskan "*Tidak boleh diragukan lagi bahawa undang-undang Islam akan menjadi undang-undang Tanah Melayu sekiranya undang-undang British tidak masuk dan menahannya*".⁵² Bagi pengkaji, Winstedt dan Wilkinson mengetahui kebenaran bahawa sejauhmana kekuatan Islam dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu. Kebenaran ini dapat diperhatikan apabila kedua-dua tokoh tersebut melahirkan beberapa pandangan yang negatif berkaitan undang-undang Islam supaya dapat mengubah pendirian masyarakat daripada kuat kepada goyah.

Pengkaji dalam menguatkan hujah, telah menjadikan pandangan Aliza Elias sebagai rujukan. Dalam karya beliau yang bertajuk *Kecenderungan Paksi India: Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam di Alam Melayu* menyatakan bahawa penyebab kepada penilaian negatif pihak penjajah terhadap Islam termasuklah undang-undangnya disebabkan oleh "*Pengalaman beragama yang pahit dalam sejarah kebudayaan Barat serta*

⁵¹ Winstedt, R.O. (1961), *The Malay: A Cultural History*, London: Routledge & Kegan Paul Ltd, h. 92.

⁵² Wilkinson, R.J. (1922), *Paper on Malay Subjects*, v. 1, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Kuala Lumpur, hh. 37-38.

pertembungan dengan agama serta kebudayaan Islam dalam sejarah dunia telah mencorakkan penilaian umum orientalis terhadap agama Islam. Keraguan yang terbit akibat dari sifat dan pembawaan agama mereka sendiri serta prasangka yang menebal terhadap hakikat risalah Islam serta pembawanya, akhirnya menjadikan kebenaran semua agama dilihat tidak lebih dari kebenaran falsafah”.⁵³ Beliau menambah lagi, “Agama yang ditanggapi dalam telaah sejarah pengkaji orientalis ini adalah agama yang mesti berubah mengikut peredaran zaman hingga mampu menjadi batu loncatan mencapai cita-cita pembangunan atau sebaliknya, agama yang jumud, yang layak dicerca sebagai batu penghalang”.⁵⁴

Pandangan yang diberikan oleh Aliza Elias ini telah menjawab kepada pandangan yang diberikan oleh dua orang tokoh orientalis di atas. Beliau menjelaskan bagaimana pandangan mereka ini dipengaruhi prasangka yang negatif hasil pertembungan agama dan budaya dari dua buah tamadun yang besar. Berdasarkan pelbagai pandangan di atas, pengkaji beranggapan bahawa pandangan kedua-dua tokoh di atas jelas didasari oleh sudut penilaian sejarah yang berasaskan prasangka buruk, di mana Islam dinilai sebagai tidak mampu memenuhi kehendak masyarakat dan tidak mengikut peredaran masa dan keadaan. Pada pengkaji, pendekatan humanisme ini jelas menolak sumber wahyu yang menjadi pegangan utama dalam agama Islam. Golongan yang berpegang kepada pendekatan ini menjadikan akal sebagai sumber sempurna sekiranya menginginkan kemajuan dan

⁵³ Aliza Elias (2012), “Kecenderungan Paksi India: Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam di Alam Melayu”, dalam Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (ed.), *Adab dan Peradaban: Karya Pengi`tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd, h. 612.

⁵⁴ *Ibid.*

menjamin kemaslahatan manusia berbanding sumber yang berasal dari agama yang jelas ditolak oleh golongan ini.

Ketiga, pemilihan pendekatan rasionalisme. Pendekatan ini mementingkan sudut pertimbangan dalam melakukan sesuatu tindakan dan menyelesaikan masalah. Ianya merupakan satu fahaman yang mengagungkan keupayaan akal dalam menjawab segala persoalan hidup berdasarkan kaedah logik akal. Menerusi pendekatan ini, penggunaan sumber wahyu ditolak sepenuhnya.⁵⁵ Pendekatan ini juga menekankan prinsip yang mementingkan kehendak majoriti masyarakat walaupun keputusan itu salah dan memberi impak yang buruk kepada akidah dan akhlak masyarakat khususnya yang beragama Islam. Memandangkan orientalis yang berpandukan kepada fahaman sekularisme iaitu fahaman yang memisahkan hal-hal agama dari segala urusan keduniaan, sudah semestinya golongan ini menerima pendekatan rasionalisme tersebut.

Berdasarkan pendekatan ini, pengkaji merujuk sebuah karya yang ditulis oleh Winstedt iaitu *Kitab Tawarikh Melayu*. Menurut beliau, "*Maka sunggoh pun ada hikayat mencheritakan hal zaman purba kala itu, tetapi tiada-lah berapa guna-nya: kerana segala yang di-riwayatkan dari hal dewa-dewa dan orang kesaktian yang tersebut kesah-nya di-dalam hikayat-hikayat itu sa-mata-mata-lah nampak-nya cherita menyedapkan telinga sahaja, bukan-nya dari-pada perkara yang di-terima dan di-hargakan pada nilayan tawarikh*".⁵⁶ Menerusi pandangan tersebut, pengkaji berpandangan bahawa Winstedt menolak pembuktian sejarah melalui mitos. Ini kerana ia adalah sesuatu perkara yang tidak

⁵⁵ Sila lihat Auni Hj. Abdullah (2005), *Op.cit*, h. 102.

⁵⁶ Winstedt, R.O. (1927), *Kitab Tawarikh Melayu*, Singapore: Fraser & Neave, h. 16.

diperakui dan tidak dapat dibuktikan secara saintifik. Winstedt juga menolak pembuktian sejarah dengan menggunakan sumber wahyu kerana menurut beliau pengkaedahan yang menggunakan sumber wahyu dianggap tidak dapat memenuhi kehendak akal dan tidak relevan dengan peredaran zaman dan tempat. Memandangkan pihak orientalis telah meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang yang gila, yang menyebarkan ajaran sesat untuk tujuan peribadi.⁵⁷ Wilkinson juga berpandangan sama dengan Winstedt, apabila beliau mengatakan, “*The corroborative detail that the Malay Annals give to an unconvincing genealogy must also be rejected as untrue. It is made up of myths...*”.⁵⁸

Apa yang ingin dijelaskan oleh pengkaji ialah karya-karya orientalis mengenai persejarahan rantau ini memperlihatkan banyak kelemahan metodologi, di samping sarat dengan prasangka sehingga rumusan-rumusannya tidak menepati realiti. Antara yang paling menonjol adalah kesengajaan memperkecilkan peranan Islam dalam sejarah dan tamadun Melayu. Menurut Siddiq Fadzil, “*Zaman kepesatan Islamisasi (abad 13-16M) yang ditandai oleh transformasi kemanusiaan dan revolusi kebudayaan terbesar di rantau ini tidak diakui sebagai suatu babak sejarah in its own right. Zaman sepenting itu hanya dianggap era transisi dari zaman tamadun peribumi dan Hindu-Buddha ke zaman moden (Barat)*”.⁵⁹ Ternyata sejarah mengenai ketamadunan Melayu tidak dipaparkan secara faktual seadanya, tetapi dimanipulasi sedemikian rupa untuk menonjolkan peranan dan pengaruh Barat bahawa kononnya merekalah yang membawa tamadun Melayu ke era baru

⁵⁷ Lihat Arthur Jeffery (1926), “The Quest of the Historical Muhammad”, dalam *The Muslim World*, v.16, h. 338.

⁵⁸ Wilkinson, R.J. (1975), *A History of the Peninsular Malays, With Chapters on Perak & Selangor*, New York: AMS Press, h. 25.

⁵⁹ Siddiq Fadzil (2012), *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*, c. 3, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah, h. 2.

dan zaman moden. Pada pandangan Siddiq Fadzil, Islam hanya diperlihatkan sebagai habuk yang hinggap pada tubuh pejal tamadun peribumi.⁶⁰

Keempat, pendekatan evolusionisme yang bersifat “*Self Truth Claim*” dan perkauman yang melampau (*Euro-Centric*) menganggap tamadun Barat sebagai lebih tinggi dan agung berbanding dengan keadaan masyarakat Timur.⁶¹ Pendekatan tersebut sememangnya dipaparkan dengan jelas oleh keempat-empat tokoh di atas dalam mengangkat bangsa *Caucasian* Eropah sebagai bangsa yang paling bertamadun, bersesuaian dengan teori evolusi Darwin yang menganggap bahawa tamadun sekular Barat adalah merupakan tamadun kemanusiaan yang paling maju dan tinggi, diukur dengan tahap kepandaian dan berasaskan pendekatan yang menolak sebarang bentuk ajaran agama.⁶²

Menerusi pendekatan ini, pengkaji membawakan dua buah pandangan Winstedt dari dua buah buku yang berbeza. Pertama, dari buku yang bertajuk *The Malay: A Culture History*. Beliau mengatakan “*For many reasons the lessons of history are neglected in the modern world. Darwin turned the eyes of the sanguine away from the past to the future, and those who in spite of war and atrocotoes still believe in progress towards some mundane paradise prefer the doubtful promise of science to the record of man’s puerilities, errors and crimes*”.⁶³ Berdasarkan pandangan di atas, pihak penjajah yang menjadikan pendekatan ini sebagai sebahagian dari paradigma pemikiran mereka jelas mengangkat

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Said, Edward W. (1981), *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine Hows We See the Rest of the World*, London: Vintage, hh. 39-40, 60 & 62.

⁶² Maryam Jameelah (1971), *Islam and Orientalism*, Lahore: Ashraf Publication, hh. 122-123.

⁶³ Winstedt, R.O. (1961), *Op.cit*, h. 176.

bangsa mereka di kedudukan yang tinggi dan hebat dalam membina sebuah yang agung. Tambahan lagi, hasil penelitian pengkaji bahawa pendekatan tersebut jelas menolak pengaruh Islam dalam mencorak kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu.

Terdapat juga segelintir golongan Melayu sendiri yang mengambil sikap pro-Inggeris seperti Syed Syeikh Ahmad al-Hadi, yang merupakan tokoh pembaharuan yang menerima penjajah Barat dengan hati terbuka. Menurut Ibrahim Abu Bakar, Syed Syeikh Ahmad al-Hadi menerima dan menyokong kedatangan British ke Tanah Melayu berdasarkan tiga sebab. Pertama, orang Inggeris adalah orang yang mulia kerana membebaskan orang Melayu dari pemerintah mereka yang tidak adil, sombong dan tidak mempedulikan rakyat. Kedua, pemerintahan British mempunyai sistem yang baik dan adil kepada semua. Ketiga, tiada bangsa yang patut disalahkan atas kemajuan dan kemodenan yang mereka capai kerana menggunakan akal dengan baik.⁶⁴

Pandangan yang diberikan oleh tokoh di atas menunjukkan bahawa beliau sangat mengangkat kedudukan penjajah Barat sebagai penyelamat kepada bangsa Melayu dan dapat mengeluarkan dari zaman kegelapan. Pada pengkaji, penilaian tokoh tersebut berasaskan kepada sudut pandangan yang fanatik terhadap kemampuan penjajah British dalam mempengaruhi dan mengubah sesuatu tamadun dan skeptis terhadap keupayaan Islam itu sendiri dalam mencorak kehidupan bangsa Melayu ke arah sesuatu tamadun yang hebat. Dari sudut ini, pengkaji menggunakan pandangan Siddiq Fadzil iaitu “*Pengalaman sejarah paling bermakna bagi umat Melayu tidak lain adalah proses pengislaman yang*

⁶⁴ Ibrahim Abu Bakar (1993), *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 163.

*memesat sepanjang abad 13-16M. pada era itulah berlakunya revolusi kebudayaan dan transformasi kemanusiaan terbesar dalam sejarah bangsa...Memang, suatu perubahan besar telah berlaku, perubahan yang menandakan lahirnya Melayu baru, Melayu yang didefinisikan hampir sepenuhnya oleh Islam: Worldviewnya, epistemologinya dan aksiologinya”.*⁶⁵ Bagi pengkaji, pandangan ini jelas menunjukkan Islam berperanan besar dalam menaikkan kedudukan bangsa Melayu dan menolakan dakwaan Barat bahawa Islam tidak memberi apa-apa kesan mendalam terhadap pembangunan tamadun bagi bangsa Melayu.

Kedua, pandangan Winstedt dalam karyanya yang bertajuk *Kitab Tawarikh Melayu* berkenaan peranan bangsa Melayu yang merangkumi pelbagai kelompok seperti suku bangsa dari Sakai, Batak dan Semang. Menurut Winstedt, “*Maka sebab pun di-katakan mereka itu-lah yang asli mendiami Tanah (dan juga pulau-pulau) Melayu ini, ia-lah kerana jikalau sa-kira-nya orang Melayu telah sedia ada mendiami di-sini terdahulu dari-pada mereka itu, betapa pula dapat dan boleh di-datangi kemudian oleh bangsa-bangsa yang lemah lagi bebal itu? Kerana orang Melayu ini tentu-lah terlebih cherdek dan maju serta terlebih pandai berikhtiar melawan serangan musuh dari-pada orang bangsa Semang yang liar dan sentiasa takut akan manusia itu”.*⁶⁶ Hasil pembacaan beberapa buah buku yang ditulis oleh Winstedt berkaitan pandangan di atas, pengkaji mendapati penilaian beliau dalam mengkaji perwatakan bangsa Melayu berdasarkan sudut pandangan yang berat sebelah. Bagi pengkaji, beliau terus meletakkan tahap perwatakan sesuatu bangsa itu tanpa melihat sudut pandangan yang positif yang ada pada sesuatu bangsa yang dikaji.

⁶⁵ Siddiq Fadzil (2012), *Op.cit*, h. 110.

⁶⁶ Winstedt, R.O. (1927), *Op.cit*, hh. 1-2.

R.J. Wilkinson turut berpandangan sama dengan Winstedt, di mana beliau menilai suku bangsa Melayu ini sebagai primitif. Menurut beliau, *“The peninsular presents us with a historical museum illustrating every grade of primitive culture”*.⁶⁷ Tetapi, Siddiq Fadzil telah menolak pandangan kedua-dua tokoh di atas. Beliau mengatakan *“Melayu telah menemukan jati diri keinsanan dan keislamannya, dan seterusnya mendapatkan semula karamah insaniyyahnya, lalu mengalami tranformasi dari makhluk kerdil pacal yang hina menjadi khalifah Allah di bumi yang dimuliakan dengan al-Takrim al-Ilahi. Melayu mendapat `izzah, martabat, maruah, kemuliaan dan harga diri dalam kehidupan baru di bawah sinaran wahyu. Mereka bangga dengan segala kurnia bawaan Islam itu. Demikianlah yang dirasakan oleh suku Batak yang telah menganut Islam”*.⁶⁸

Sebagai kesimpulan awal, dapat difahami bahawa tidak adil untuk mengatakan sesuatu suku bangsa itu keburukannya tanpa melihat sudut pandangan positif di dalamnya. Bagi pengkaji, di mana sahaja Islam berada pasti akan wujud kekuatan dalam jati diri sesebuah masyarakat sekaligus sebagai kekuatan dalam membina sebuah tamadun baru yang hebat. Tanah Melayu contohnya, kehadiran Islam telah membangunkan sebuah tamadun dan kebudayaan baru yang berjiwa keislaman dan membebaskan masyarakat daripada belunggu khurafat dan tahayul.

Kelima, penggunaan difusionisme dalam meletakkan tahap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal yang ada dalam diri mereka yang menginginkan sesuatu kemajuan, tetapi menurut pihak penjajah kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Melayu

⁶⁷ Wilkinson, R.J. (1975), *Op.cit*, h. 8.

⁶⁸ Siddiq Fadzil (2012), *Op.cit*, h. 110.

disebabkan faktor pengaruh budaya asing yang ditiru secara selektif oleh masyarakat Melayu seperti dari Arab dan India.⁶⁹ Sikap yang ditunjukkan oleh pihak penjajah ini dengan jelas telah menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) dalam membina sesuatu tamadun yang hebat.⁷⁰ Berkenaan kajian terhadap pengaruh Islam ke atas jati diri masyarakat Melayu, mereka mengatakan bahawa bangsa Melayu sebenarnya tidak mempunyai pegangan keislaman yang cukup kuat, tetapi masih berada di tahap lama iaitu ketika di bawah pengaruh animisme dan Hinduisme.⁷¹

Berdasarkan pendekatan ini, pengkaji membawakan petikan dari karya Winstedt yang bertajuk *Kitab Tawarikh Melayu*, di mana beliau menjelaskan “*It is only recently that those who had originally lived in the Percha (Sumatra) Island became the Malay race of today. They had lived very close to other races such as the Hindu race and the races who had settled earlier in the Sumatra Island, the Borneo Island, and other islands. Therefore, since ancient times the Malay race has been a mixed race just like the British*”.⁷² Melalui petikan ini, pengkaji berpandangan Winstedt percaya bahawa bangsa Melayu telah terpengaruh dengan budaya dan cara hidup Hinduisme dalam setiap corak kehidupan mereka termasuklah tahap kepandaian (*local genius*) dalam membina tamadun tersendiri. Pada pandangan Winstedt, bangsa Melayu tidak mempunyai apa-apa keistimewaan, tetapi ianya telah berubah setelah hadirnya pengaruh Hinduisme.

⁶⁹ Zainal Kling (1994), “Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori”, dalam *Syarahana Perdana Untuk Pengukuhan Profesor*, Kuala Lumpur, t.p, hh. 12-13.

⁷⁰ Turner, Bryan S. (1984), “Gustave E. Von Grunebaum and the Mimesis of Islam”, dalam *Orientalism, Islam and Islamist*, Vermont: Amana Books, hh. 193-202.

⁷¹ Landon, K.P. (1949), *Southeast Asia: Crossroad of Religions*, Chicago: University of Chicago, hh. 134-164.

⁷² Winstedt, R.O. (1927), *Op.cit*, h. 7.

Namun, Syed Naquib al-Attas menolak pandangan di atas. Menurut beliau, inti falsafah Hinduisme sebenarnya tidak menyerap ke dalam pemikiran bangsa Melayu. Pengaruh Hindu di Alam Melayu tersaring dengan tapisan seni, khususnya sastera seperti dalam Hikayat Seri Rama.⁷³ Beliau menyimpulkan bahawa pengaruh Hinduisme lebih terpusat di istana. Itu pun terbatas pada aspek adat keupacaraan yang mengagungkan raja sebagai jelmaan dewa seperti yang terkandung dalam konsep *Devaraja*. Unsur-unsur seperti itulah yang banyak terkandung dalam karya-karya sastera Melayu tradisional zaman pengaruh Hinduisme dan awal kemasukan Islam seperti karya agung *Sejarah Melayu*.⁷⁴

Selain itu, Winstedt di dalam karyanya iaitu *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic, A History of Malaya*, menyatakan bahawa “*It is no wonder, therefore, that the Malay midwife learnt from the Hindu all the magic he could teach for the great occasions of birth, adolescence, and marriage, or that the Malay shaman added gods of the Hindu pantheon to his demonology and made invocations and offerings to Siva. Long before the introduction of Islamic mysticism, Hinduism had encouraged the Malay magician to fortify his powers and command the wonder of the credulous by ascetic practices*”.⁷⁵ Pernyataan di atas jelas menunjukkan pandangan Winstedt mengenai bagaimana kuatnya pengaruh Hinduisme dalam pemikiran masyarakat Melayu sehingga menafikan pengaruh Islam dalam segenap perkara. Berdasarkan pernyataan di atas juga, pengkaji membuat kesimpulan awal bahawa beliau menganggap pengaruh Islam di

⁷³ Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the `Aqa`id of al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Department of Publications, University of Malaya, h. 30-38.

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ Lihat Winstedt, R.O. (1925), *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, London: Constable, h. 21.

kalangan masyarakat Melayu belum cukup kuat dan mudah dipengaruhi dengan faktor luaran.

Bagi menjawab pandangan Winstedt di atas, pengkaji menjadikan pandangan Siddiq Fadzil di dalam karyanya iaitu *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat* sebagai penguat hujah dalam menolak pandangan tersebut. Beliau mengatakan “*Islam telah memainkan peranan besar dalam memberikan motivasi keagamaan, meniupkan semangat jihad dan menjadi sumber kekuatan mental-spiritual. Namun pengaruh Islam selalu diremehkan sebagai lapisan luaran yang nipis menyalut tubuh pejal tamadun peribumi. Kenyataannya, menanggalkan Islam dari Melayu terbukti tidak mudah*”.⁷⁶ Pernyataan ini jelas membuktikan bahawa Islam sudah bertapak kuat dalam sanubari masyarakat Melayu hingga sukar untuk dihilangkan walau bagaimana cara sekalipun. Pada pandangan pengkaji, zaman Hindu-Buddha yang pernah dilalui oleh peradaban rantau ini sebenarnya tidak meninggalkan warisan pemikiran Hindu secara utuh. Seperti yang diterangkan sebelum ini, pengaruh tersebut hanya terbatas kepada aspek adat istiadat yang berkaitan dengan hal di istana meliputi upacara mengagungkan raja menerusi konsep *Devaraja* bukannya merangkumi seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu.

3.4 KESIMPULAN

Terdapat persamaan bentuk pemikiran di antara Winstedt dengan tokoh-tokoh orientalis terdahulu melalui pemilihan falsafah pemikiran. Perbandingan ini dibuat berdasarkan situasi Winstedt dalam mengkaji masyarakat di Tanah Melayu. Perbincangan mengenai

⁷⁶ Siddiq Fadzil (2012), *Op.cit*, h. 112.

elemen khusus pemikiran beliau, pengkaji telah membandingkan dan menganalisis melalui karya-karya yang ditulis oleh Winstedt bagi dijadikan bukti bagaimana corak pemikiran beliau dalam membuat penilaian terhadap masyarakat khususnya berbangsa Melayu di Tanah Melayu. Analisis tersebut menfokuskan kepada umum sahaja dalam pengkajian beliau, sebelum dilakukan analisis khusus berkaitan undang-undang Islam dalam bab empat.

Pengkaji merumuskan bahawa Islam mempunyai pandangan hidup yang jauh berbeza daripada pandangan hidup Barat, kerana dunia Barat meletakkan falsafah humanisme, rasionalisme dan sekularisme sebagai asas peradaban mereka, sedangkan falsafah-falsafah ini amat asing dan tidak perlu ada dalam ajaran Islam. Aliran pemikiran yang didokong oleh Winstedt ini sememangnya meletakkan kebebasan pada tempat yang terlalu tinggi, sehinggakan beliau berpendapat segala tradisi, adab dan tatacara keilmuan serta kesarjanaan Islam boleh dipersoalkan kebenarannya. Selain itu, Islam dianggap tidak relevan dengan perkembangan semasa malah memperlekehkan masyarakat Melayu yang menganut agama tersebut dengan menganggap sesuatu masyarakat itu tidak akan maju sekiranya masih berpegang kepada ajaran Islam.